

## **RUQYAH TERAS PERUBATAN ISLAM**

Phayilah Yama

Ikmal Zaidi Hashim

Farhah Zaidar Mohamed Ramli

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor*

### **ABSTRAK**

*Perubatan Islam dalam konteks Malaysia mengalami transisi perkembangan yang semakin positif dan memberangsangkan sejak kewujudan Akta Perubatan Tradisional dan Komplementari 2016 (Akta 775). Kemasukan kategori perubatan Islam dalam akta ini disifatkan sebagai tanda aras pengiktirafan serta penerimaan kerajaan Malaysia terhadap peranan penting yang turut dimainkan oleh perubatan Islam dalam meningkatkan kualiti kesihatan masyarakat Malaysia arus perdana seiring dengan perubatan moden. Sambutan masyarakat yang memberangsangkan terhadap perubatan Islam pada masa kini ini turut dapat dikenal pasti menerusi penubuhan organisasi, persatuan dan pertubuhan perubatan Islam yang semakin banyak sehingga mencetuskan penggabungan di bawah organisasi induk yang menghimpuan belasan ribu pengamal perubatan Islam di Malaysia iaitu Gabungan Persatuan Perawat Islam Malaysia (GAPPIMA). Selain itu, antara perkembangan lain yang menunjukkan pengaruh perubatan Islam yang semakin kuat di Malaysia adalah pelancaran aplikasi mudah alih Sistem Perubatan Islam Secara Ruqyah atau 'Mobile Islamic Ruqyah Medication System' (M-IRMS) yang pertama di dunia bagi merawat pelbagai masalah kesihatan melalui bacaan al-Quran dan hadis oleh Universiti Teknologi Petronas (UTP) pada bulan Mac 2015. Aplikasi ini adalah untuk memudahkan orang ramai mengamalkan bacaan ruqyah. Artikel ini bertujuan untuk mengenal pasti konsep sebenar ruqyah dalam perubatan Islam dengan menggunakan metode analisis dokumen terhadap sumber-sumber rujukan perpustakaan. Dapatkan keseluruhan menunjukkan perubatan Islam meletakkan ruqyah sebagai kaedah asas yang menjadi teras utama perubatan Islam.*

**Kata Kunci:** *Ruqyah, Teras, Perubatan Islam.*

### **1.0 PENGENALAN**

Pada dasarnya kebanyakan ilmuwan Islam tidak menjelaskan definisi perubatan Islam secara khusus. Namun perubatan Islam dapat diertikan sebagai satu bidang ilmu dan amalan yang berasaskan ilmu sains perubatan yang terkandung dalamnya paradigma, konsep, nilai, tatacara ujian serta rawatan yang selaras dan tidak bercanggah dengan al-Quran dan al-Sunnah (Zulkifli al-Bakri, 2011). Pengertian ini adalah luas skopnya sehingga semua jenis perubatan moden seperti allopati dan hemopati dapat dinisbahkan kepada perubatan Islam selagi mana tidak bertentangan dengan dasar dan prinsip Islam.

Pada tahun 2011, Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia menerusi *Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam* (2011), cuba

memberi definisi yang lebih khusus untuk membezakan antara perubatan Islam tradisional dengan perubatan moden iaitu dengan memperkenalkan penggunaan istilah pengubatan Islam. Pengubatan Islam tersebut kemudiannya didefinisikan sebagai satu ikhtiar penyembuhan penyakit jasmani dan rohani oleh seorang Islam yang mahir dalam kaedah rawatan dengan menggunakan ayat-ayat al-Quran atau Hadis, atau amalan salaf al-soleh, dan ulama muktabar atau kesemuanya sekali seta menggunakan kaedah-kaedah atau bahan-bahan yang dibenarkan oleh syarak. Definisi ini memberi perincian lebih detail dan bersesuaian dengan realiti amalan rawatan Islam yang dipraktikkan oleh para pengamal dan perawat perubatan Islam tradisional di Malaysia.

Manakala *ruqyah* pula merupakan kaedah asas dalam pengubatan Islam. Pengertian *ruqyah* pada dasarnya adalah memohon perlindungan daripada Allah I untuk melindungi orang yang terkena penyakit serta melindungi diri daripada tipu daya syaitan. Perkataan *ruqyah* daripada segi bahasa menurut al-Fayyumi (1977) adalah bermaksud memohon perlindungan daripada Allah I. *Jama'* kepada perkataan “*ruqyah*” adalah “*ruqa*”. *Ruqyah* juga dapat diertikan sebagai jampi atau mantera”.

Menurut al-Fairuz Abadi (2008), *ruqyah* merupakan ayat-ayat al-Quran yang dibacakan terhadap orang-orang yang terkena berbagai penyakit dengan harapan mendapat kesembuhan. al-Qarafi (t.t) pula menjelaskan *ruqyah* sebagai kalimah-kalimah khusus yang dengannya akan memperolehi kesembuhan daripada penyakit dan terhindar daripada hal-hal kecelakaan. Seterusnya al-Azhari (t.t), Ibn al-Athir (t.t) dan Ibn al-Manzur (t.t) mempunyai pandangan yang sama mengenai pengertian *ruqyah* dari segi bahasa iaitu *ruqyah* bermaksud doa perlindungan sepertimana dikatakan “aku meminta *ruqyah*nya dan ia meruqyahku.”

Definisi *ruqyah* daripada segi istilah syarak pula menurut al-Fairuz Abadi (2008) adalah tidak begitu berbeza dengan makna daripada segi bahasa. Menurut al-'Azim Abadi (1987), pengertian *ruqyah* dari segi syarak adalah perlindungan yakni doa yang diucapkan untuk memohon kesembuhan. Ibnu Taimiyyah (1992) pula menjelaskan *ruqyah* sebagai permohonan perlindungan dan ianya merupakan daripada jenis doa. Sa'ad Shadiq Muhammad (1968) mendefinisikan *ruqyah* secara hakiki adalah jenis-jenis doa dan tawassul yang mengandungi permohonan kesembuhan kepada Allah I bagi orang yang sakit dan hilangnya penderitaan daripada badannya. Sementara itu, pentakrifan *Ruqyah* dalam *Garis Panduan Amalan Pengubatan Islam* (2011) adalah tidak banyak berbeza dengan pentakrifan ilmuwan Islam di atas iaitu doa yang berasaskan ayat-ayat al-Quran dan hadis, yang bertepatan dengan syarak bagi tujuan pengubatan dan kesejahteraan atau kebaikan.

## 2.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menghuraikan literatur konsepstual dan teoritikal berkaitan perubatan Islam dalam konteks pengubatan Islam dan hubungannya dengan *ruqyah* berdasarkan perspektif al-Quran dan Hadis. Terdapat 10 aspek yang dikupas iaitu kedudukan *ruqyah* dalam perubatan Islam, dalil pensyariatan *ruqyah* dalam perubatan Islam, syarat-syarat *ruqyah* dalam perubatan Islam, rukun-rukun *ruqyah* dalam perubatan Islam, kategori *ruqyah* dalam perubatan Islam, prosedur perlaksanaan *ruqyah* dalam perubatan Islam, penyakit utama yang diruqyah dalam sejarah perubatan Islam, peranan *ruqyah* dan pengaruhnya

dalam menangani masalah kesihatan di Malaysia dan kepentingan *takhrij* hadis karya perubatan Islam *ruqyah* di Malaysia. Data yang dihuraikan telah dikumpul menerusi analisis dokumen kepustakaan serta dianalisis secara deskriptif.

### 3.0 KEDUDUKAN *RUQYAH* DALAM PERUBATAN ISLAM

Kedudukan *ruqyah* patuh syariah dianggap sebagai salah satu perubatan yang terpenting yang diambil daripada wahyu al-Quran al-Karim dan Hadis. Ianya masih lagi kekal diamalkan oleh orang Islam semenjak zaman dahulu sehingga sampai pada zaman era globalisasi kini. *Ruqyah* patuh syariah bermaksud bacaan ayat al-Qur'an al-Karim dan sebahagian doa-doa bersumberkan daripada hadis Nabi ﷺ serta menghembuskan nafas ke atas orang yang sakit atau dalam erti kata lain menjampinya. Selain itu, *ruqyah* juga digunakan dengan cara menghembuskan nafas ke atas anggota badan yang ditimpak penyakit (Muhammad Ratib, 2012).

*Ruqyah* telah dianggap sebagai salah satu cara rawatan yang tersebar secara meluas dalam kalangan orang Arab dan orang Islam dan ia juga adalah salah satu rawatan penyembuhan bagi rasukan dan sihir pada zaman Rasulullah ﷺ. Rasulullah ﷺ telah merawat ramai orang yang mengalami keadaan-keadaan tersebut, diikuti oleh sahabat-sahabat Nabi ﷺ yang mulia, dan generasi-generasi selepasnya (Muhammad Ratib, 2012).

Terdapat perbezaan dari segi langkah-langkah dan teknik-teknik yang digunakan oleh perawat-perawat yang kebanyakannya terdiri daripada orang Islam sendiri. Namun langkah-langkah dan teknik-teknik ini adakah dicemari dengan ditokok tambah dengan perkara yang tidak sepatutnya. Contohnya seperti memasukkan unsur-unsur khurafat dan penipuan. Unsur-unsur tersebut juga telah dibawa masuk oleh musuh-musuh Islam. Justeru itu, terhasil *ruqyah* yang tidak lagi murni dalam erti kata bercampur-baur di antara perkara yang baik dan buruk yang seterusnya diperaktikkan terhadap pesakit. Secara tidak langsung golongan ini telah mereka-reka perkara yang tidak sepatutnya wujud dalam rawatan *ruqyah* yang asal (Muhammad Ratib, 2012).

### 4.0 DALIL PENSYARIATAN *RUQYAH* DALAM PERUBATAN ISLAM

*Ruqyah* pada awalnya adalah amalan yang dilarang oleh Rasulullah ﷺ sebelum kemudiannya dibenarkan kembali untuk diamalkan. *Ruqyah* mutakhir yang dibenarkan oleh Rasulullah ﷺ tersebut adalah tertakluk amalannya hanya untuk meminta pertolongan daripada Allah SWT sahaja serta tidak terdapat unsur-unsur syirik dan khurafat dalam *ruqyah* tersebut. Selain itu, seseorang itu perlu bertawakal hanya kepada Allah SWT sahaja dan tidak diizinkan meminta pertolongan daripada makhluk halus seperti jin dalam amalan *ruqyah*. Terdapat dua dalil daripada hadis yang menyebut tentang larangan *ruqyah* di awal kemunculannya (Al Mubarak, 1995). Antaranya Nabi Muhammad S.A.W bersabda:

قالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : " إِنَّ الرُّقْبَى وَالثَّمَائِمَ وَالْتَّوْلَةَ شَرٌّ .

Maksudnya:

Telah bersabda Nabi S.A.W: "Sesungguhnya *ruqyah*-*ruqyah*, tangkal-tangkal dan guna-guna adalah syirik."

(Abu Dawud, *Sunan Abi Dawud*, Kitab al-Tib, Bab Tعلیق التمام, No. Hadis 3865)

Menurut Ibn Hajar al-Asqalani (t.t) terdapat petunjuk yang menunjukkan larangan terhadap amalan *ruqyah* adalah hanya pada peringkat awal sahaja sebelum ianya dilonggarkan sehingga boleh diamalkan kembali oleh masyarakat Islam sehingga kini. Petunjuk tersebut ditemui dalam hadis berikut:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْأَسْوَدِ عَنْ أُبَيِّ قَالَ سَأَلَتْ عَائِشَةَ عَنِ الرُّقْبَةِ مِنْ الْحُمَّةِ فَقَالَتْ: "رَجُلٌ يُصَلِّي اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرُّقْبَةَ مِنْ كُلِّ ذِي حُمَّةٍ".

Maksudnya:

*Dalam Hadis daripada 'Abd Al-Rahman bin al-Aswad daripada bapanya berkata: Aku telah bertanya 'Aisyah tentang ruqyah akan sengatan binatang, maka beliau berkata: "Nabi s.a.w telah mengizinkan ruqyah dari sengatan semua jenis binatang berbisa.*

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Tibb, , باب رقية الحية والعقرب no. hadis 5409)

## 5.0 SYARAT-SYARAT RUQYAH DALAM PERUBATAN ISLAM

Menurut Ibn Hajar al-'Asqalani (t.t), pada dasarnya ilmuwan Islam menetapkan tiga syarat utama sebagai mekanisme pengiktirafan sesuatu amalan *ruqyah* itu bertepatan dengan syarak. Tiga syarat utama tersebut adalah pertama; *ruqyah* tersebut dan prosesnya tidak mengandungi unsur-unsur syirik dan maksiat. Kedua; teks bacaan *ruqyah* tersebut adalah dalam bahasa Arab atau bahasa lain yang difahami maksudnya. Ketiga; tidak meletakkan keyakinan bahawa zat *ruqyah* itu sendiri yang meninggalkan kesan penyembuhan kecuali hakikatnya adalah dengan sebab keizinan daripada Allah S.W.T..

## 6.0 RUKUN-RUKUN RUQYAH DALAM PERUBATAN ISLAM

Terdapat empat rukun yang menjadi teras dalam proses dan pelengkap kepada perlaksanaan pengubatan Islam secara *ruqyah* iaitu perawat selaku individu pelaksana *ruqyah*, pesakit selaku individu yang dilakukan *ruqyah* terhadapnya, penyakit yang menyebabkan *ruqyah* dilakukan dan perkara yang digunakan dalam rawatan *ruqyah* (al-Jaza', 2006).

### i. Rukun Pertama: Perawat Selaku Individu Pelaksana *Ruqyah*

Perawat selaku individu pelaksana *ruqyah* merupakan pengamal *ruqyah*. Pengamal *ruqyah* boleh terdiri sama ada daripada pesakit sendiri (yang mengamalkan *ruqyah* dalam merawat dirinya sendiri) atau orang lain yang bukan pesakit. Identiti pengamal *ruqyah* tersebut adalah bertepatan dengan tindakannya melakukan *ruqyah* dengan suatu jampi bertujuan untuk meminta perlindungan dalam doanya serta menghembuskan nafas. Seterusnya terdapat tiga aspek perbincangan berkaitan pengamal *ruqyah* dalam kalangan ilmuwan Islam iaitu syarat-syarat pengamal *ruqyah*, adab pengamal *ruqyah* dan klasifikasi pengamal *ruqyah* (al-Jaza', 2006).

a. Syarat Pengamal *Ruqyah*

Menurut al-Jaza' (2006), terdapat 21 syarat yang dapat membina jati diri, membentuk identiti dan menerapkan karakteristik pengamal *ruqyah* yang mematuhi kehendak syariat dan mencapai keredhaan Allah I. Syarat-syarat tersebut adalah:

Syarat (1): Islam

Pengamal *ruqyah* dikehendaki seorang yang beragama Islam dan bukannya kafir, kerana proses *ruqyah* memerlukan pertolongan Allah I dan berpegang teguh dengan ajaran-Nya.

Syarat (2): Berbuat baik, istiqamah dan bertakwa  
Pengamal *ruqyah* dikehendaki terdiri dalam kalangan orang yang dikenali suka berbuat amal kebaikan, istiqamah, bertakwa dan menjaga solat serta ibadatnya.

Syarat (3): Kepercayaan Akidah Yang Teguh  
Pengamal *ruqyah* dan mereka yang terlibat dikehendaki mengetahui dengan yakin bahawa segala kebaikan mahu pun keburukan berada dalam kekuasaan Allah I.

Syarat (4): Bacaan *ruqyah* dalam bahasa Arab, atau bahasa lain yang difahami maksudnya, kerana jika maknanya tidak difahami dikhawatir terjerumus kepada kesyirikan.

Syarat (5): Ikhlas kerana Allah I dan mempunyai niat yang baik  
Ini adalah kerana keikhlasan dan niat yang baik tersebut berpotensi menjadikan bacaan *ruqyah* berkesan dan mujarab dengan izin Allah I.

Syarat (6): Mengikuti Sunnah Nabi ﷺ dan bukan pembaharuan yang terlarang  
Pengamal *ruqyah* dikehendaki berpegang dan mengikuti Sunnah Nabi ﷺ daripada segi akhlak, keperibadian dan luarannya.

Syarat (7): Memelihara pemakanan yang halal dan menghindari harta yang haram atau syubhah. Pemakanan yang halal adalah salah satu daripada sebab kemakbulan doa dan ianya mempunyai kaitan yang rapat dengan *ruqyah* yang juga merupakan salah satu bentuk daripada kaedah dalam berdoa.

Syarat (8): Mempunyai ilmu pengetahuan tentang asal usul jin dan hal ehwal berkaitan dengannya serta menguasai ilmu asas berkaitan syaitan. Ilmu yang mencukupi tentang perkara ini dapat membina karektor pengamal *ruqyah* yang tidak takut dengan jin, tidak terpengaruh dengan tipu daya atau ugutan jin serta memahami bahawa tipu helah makhluk halus seperti syaitan adalah lemah.

Syarat (9): Pengamal *ruqyah* tidak berada dalam keadaan yang diharamkan seperti dalam keadaan junub atau berada di perkuburan atau menyerupai keadaan-keadaan yang diharamkan.

Syarat (10): Tidak Menggunakan Perkhidmatan Jin

Penggunaan jin sekalipun ianya muslim adalah berpotensi untuk menyebabkan hati pengamal *ruqyah* cenderung untuk bergantung kepada jin tersebut dan mengabaikan pergantungan yang kuat kepada Allah I.

Syarat (11): Mengetahui *ruqyah-ruqyah* daripada ayat al-Quran seperti surah al-Fatihah, surah al-Falaq dan surah al-Nas, surah al-Ikhlas, akhir surah al-Baqarah, awal dan akhir surah ali-'Imran, ayat kursi, dan akhir surah al-Taubah dan lain-lain.

Syarat (12): Pengamal *ruqyah* dikehendaki memperbaiki bacaan al-Quran iaitu memahami maksudnya, sambil membaca dituruti dengan menggambarkan ayat. Tidak cukup hanya dengan sebutan bacaan, pengamal *ruqyah* dikehendaki menggambarkan makna ayat sehingga memberi kesan kepadanya.

Syarat (13): Pengamal *ruqyah* tidak menggunakan perkataan yang diharamkan seperti mencaci, memaki, melaknat berhujahkan bahawa sesungguhnya Allah I tidak menyembuhkan penyakit dengan perkara yang haram termasuk perkataan berbentuk negatif.

Syarat (14): Membacakan *ruqyah* dengan suara yang jelas (dapat didengari) dan tidak menyembunyikan *ruqyah* dengan suara yang samar-samar kerana *ruqyah* tidak boleh dilakukan melainkan ianya disebut dengan bacaan yang diketahui dan difahami maksudnya.

Syarat (15): Bersih daripada hadas besar dengan mandi wajib dan daripada hadas kecil dengan sebaik-baiknya.

Syarat (16): Menghembuskan nafas iaitu meludah dengan sedikit air liur dalam erti kata adalah lebih sikit air tersebut daripada ludahan yang sebenar.

Syarat (17): Pengamal *ruqyah* tidak berseorangan dengan wanita, tidak boleh menyentuh apa-apa pun pada mana-mana bahagian badannya dengan alasan untuk bacaan *ruqyah*. (Terdapat pengecualian dalam hal ini berdasarkan lain-lain pandangan ilmuwan Islam)

Syarat (18): Menyembunyikan rahsia pesakit dan menjaga amanah berkaitan dengannya iaitu tidak mendedahkan aurat pesakit kepada sesiapun dan tidak menyebut namanya.

Syarat (19): Mengetahui latar belakang pesakit dan penyakit Mengenal pasti latar belakang penyakit adalah sebahagian daripada proses rawatan. Pengamal *ruqyah* dikehendaki menyelidiki keadaan pesakit, sebab-sebab sakit dan persekitarannya supaya rawatan yang terbaik dan bersesuaian dapat diberikan.

Syarat (20): Tidak mendedahkan penemuan rawatan kepada pesakit yang dirasuk atau disihir iaitu sebelum dirawat serta selepas dirawat, sama ada jin telah keluar sepenuhnya atau telah dimusnahkan.

Syarat (21): Konsisten Mengamalkan Zikir dan Doa-doa yang benar. Kajian mendapati keseluruhan 21 syarat di atas adalah disusun berdasarkan pengaruh agama Islam yang mementingkan maruah dan kemuliaan profesi pengamal *ruqyah* dalam perubatan Islam yang membabitkan dasar serta prinsip akidah, fiqh dan tasawuf.

b. Adab Pengamal *Ruqyah*

Menurut al-Jaza' (2006), terdapat 11 adab yang dikehendaki untuk diamalkan oleh pengamal *ruqyah* patuh syariah. Adab-adab tersebut adalah seperti berikut iaitu pengamal *ruqyah* dikehendaki :

- 1) Menjadi suri teladan kepada masyarakat.
- 2) Mengambil berat untuk berdakwah kepada Allah I.
- 3) Melayan pesakit dengan baik hati dan lembut.
- 4) Menggembirakan pesakit.
- 5) Memohon pertolongan dengan solat.
- 6) Bertanggungjawab tidak memanggil syaitan untuk bercakap dengannya sewaktu sedang melaksanakan *ruqyah* terhadap pesakit.
- 7) Tidak tamak pada harta manusia.
- 8) Bacaan kepada setiap pesakit secara berasingan.
- 9) Pengamal *ruqyah* dikehendaki terdiri daripada ahli ilmu.
- 10) Yakin kepada pengalaman peribadi.
- 11) Mengkhususkan kaum wanita dengan pengamal *ruqyah* wanita.

Kajian mendapati keseluruhan 11 adab di atas adalah refleksi keprihatinan Islam dalam melahirkan pengamal *ruqyah* yang memiliki tingkah laku yang sopan, tutur kata yg halus, berbudi bahasa, mempunyai pekerti yang tinggi kesopanannya dan memiliki maruah serta kehormatan yang terpelihara. Penghayatan terhadap adab-adab ini mencetuskan detik kesembuhan awal sebelum kesembuhan sebenar yang bakal diizinkan oleh Allah I kelak.

c. Klasifikasi Pengamal *Ruqyah*

Menurut al-Jaza' (2006), secara umumnya pengamal *ruqyah* dalam kalangan masyarakat Islam semasa dapat diklasifikasikan kepada tiga kategori kedudukan berdasarkan kualiti dalam memenuhi 21 syarat dan 11 adab yang dinyatakan sebelum ini. Kedudukan pertama adalah terdiri daripada pengamal *ruqyah* yang memiliki kesemua 21 syarat dan menghayati 11 adab sebagai pengamal *ruqyah* tersebut. Golongan ini berkelayakan untuk melaksanakan tugas dan peranan sebenar pengamal *ruqyah* sebagaimana yang dikehendaki dalam Islam.

Kedudukan kedua adalah terdiri daripada pengamal *ruqyah* yang memiliki 21 syarat pengamal *ruqyah* tetapi kurang prihatin dalam menghayati 11 adab pengamal *ruqyah* tersebut. Golongan ini pada dasarnya diberi keberkesan *ruqyah* oleh Allah I secara tidak konsisten dan sedikit demi sedikit. Kedudukan ketiga adalah terdiri daripada pengamal *ruqyah* yang tidak memiliki 21 syarat dan 11 adab yang sepatutnya selaku pengamal *ruqyah*. Golongan ini perlu dielak daripada didekati oleh masyarakat kerana tiada kelayakan yang sewajarnya dan tidak berkeahlian dalam bidang ini (al-Jaza', 2006).

ii. Pesakit selaku individu yang dilakukan *ruqyah* terhadapnya

Pesakit selaku individu yang dilakukan *ruqyah* terhadapnya merupakan pesakit yang difokuskan ke atasnya bacaan sama ada *ruqyah* sebelum terjadinya penyakit atau selepas terjadinya penyakit. Pada dasarnya terdapat lima syarat yang perlu dihayati oleh seseorang pesakit sewaktu menjalani rawatan *ruqyah* iaitu (al-Jaza', 2006):

### Syarat (1): Beriltizam kepada Islam

Syarat ini merangkumi dua bahagian. Bahagian pertama; beriltizam daripada segi akidah Islam iaitu pesakit mempunyai keyakinan yang mutlak bahawa tiada apa yang dapat mendatangkan kebaikan mahu pun kemudaratan melainkan dengan keizinan Allah I yang Maha Esa yang tiada sekutu bagi-Nya. Justeru pesakit yang *diruqyah* tidak boleh menganggap secara muktamad bahawa kesembuhan dan terselamat daripada musibah dapat terjadi sekadar dengan *ruqyah* sahaja (al-Jaza', 2006). Bahagian kedua; beriltizam daripada segi ibadah dalam Islam seperti pesakit memelihara serta menunaikan solat. Ini adalah kerana solat berfungsi sebagai tiang agama, pembuka pintu rezeki, pemangkin kepada kesihatan yang baik, perlindungan daripada ditimpa penyakit, pengubat penyakit, penguat kepada hati, menyerikan wajah, menggembirakan jiwa manusia, menjauhkan diri daripada syaitan dan mendekatkan diri kepada Allah I (Ibn al-Qayyim, t.t).

### Syarat (2): Niat yang benar

Pesakit menyedari pengubatan dengan doa yang bergantung kepada Allah I lebih memberi kebaikan berbanding rawatan dengan ubat-ubatan sahaja. Niat yang benar perlu dihayati oleh kedua-dua pihak iaitu pesakit dan pengamal *ruqyah*. Hati kedua-dua pihak dikehendaki bergantung kepada Allah I disertai ketakwaan dan tawakal kepada-Nya (al-Syawki, t.t.).

◊Syarat (3): Pesakit memahami dengan teguh tentang ketetapan bahawa al-Quran merupakan penyembuh, rahmat dan penawar yang berkesan.

Syarat (4): Seorang pesakit perempuan tidak boleh menjalani rawatan *ruqyah* dengan pengamal *ruqyah* ajnabi seorang diri tanpa mahram.

Syarat (5): Pesakit yang *diruqyah* tidak boleh tergesa-gesa untuk disegerakan kesembuhannya kerana *ruqyah* adalah salah satu daripada bahagian-bahagian doa.

### iii. Rukun Ketiga: Penyakit yang menyebabkan *ruqyah* dilakukan

Menurut al-Jaza' (2006), penyakit merupakan faktor yang menyebabkan *ruqyah* perlu dilakukan. Pada dasarnya penyakit yang dapat *diruqyah* terbahagi kepada dua kategori iaitu penyakit jasmani dan penyakit rohani. Penyakit jasmani ditemui asasnya dalam al-Quran berdasarkan ayat 17 dalam Surah al-Fath iaitu:

وَلَا عَلَى الْمَرِيضِ حَرْجٌ

Maksudnya :

“*Dan tidak ada dosa atas orang-orang yang sakit.*”

Manakala penyakit rohani merupakan maksiat hati yang tercela seperti penyakit jahil, sifat penakut, bakhil, dan munafik. Asas kepada kewujudan penyakit ini dapat ditemui dalam sepotong ayat al-Quran iaitu ayat 10 dalam surah al-Baqarah. Allah I berfirman:

فِي قُلُوبِهِمْ مَرْضٌ فَرَادَهُمْ اللَّهُ مَرْضًا

Maksudnya:

“*Dalam hati mereka ada penyakit, lalu Allah menambah penyakit mereka itu.*”

Menurut Abi al-Mundhir (t.t.), penyakit jasmani dapat dijelaskan secara lebih terperinci sebagai sejenis penyakit yang menimpa tubuh badan manusia kesan daripada kuman, virus atau lumpuh salah satu anggota badan atau semua anggota badan yang kesemuanya

disebabkan oleh faktor fizikal. Manakala Samahat (1996) menerangkan bahawa penyakit rohani pula merangkumi pertembungan unsur-unsur kerohanian diluar badan pesakit dan kerohanian dalam badan pesakit sendiri yang menyebabkan pesakit dapat ditakluki (sakit). Fenomena penyakit kerohanian kebiasanya berasaskan gangguan daripada jin. Menurut Samahat (1996) terdapat lapan jenis penyakit berpunca daripada gangguan jin sebagaimana berikut.

- a) Jin menakut-nakutkan manusia sehingga mereka merasa gerun kepada jin.
- b) Penyakit psikologi dan penyakit saraf.
- c) Penyakit fizikal.
- d) Menjadikan mata manusia boleh melihat benda yang tidak sepatutnya mereka nampak serta menjadikan manusia berhalunisasi.
- e) Mencetuskan dendam kesumat, permusuhan, kemarahan dan perpecahan antara dua orang yang memiliki sesuatu ikatan pertalian.
- f) Penyakit yang khusus bagi wanita.
- g) Penyakit kelamin.
- h) Gangguan jin di tempat tinggal manusia seperti kediaman dan lain-lain.

Al-Syamrani (1998) menyatakan bahawa pada dasarnya pengamal *ruqyah* dikehendaki membezakan antara penyakit fizikal atau penyakit rohani yang disebabkan gangguan jin. Ianya supaya rawatan yang sesuai dan lebih efektif dapat dilakukan terhadap pesakit. Lazimnya pesakit yang dibuktikan dengan pemeriksaan klinikal adalah mengalamisimptom-simptom penyakit jasmani, maka dinasihatkan untuk merujuk kepada rawatan allopati di hospital-hospital dan klinik-klinik terlebih dahulu. Manakala pesakit yang dibuktikan mengalami penyakit yang bukan disebabkan penyakit anggota badan serta jelas menunjukkan tanda-tanda terkena gangguan jin maka ianya dikehendaki menjalani rawatan *ruqyah*.

Namun begitu, al-Jaza' (2006) menyatakan bahawa berdasarkan historikal kes-kes dalam perubatan Islam, terdapat tiga bidang atau skop penyakit yang dapat mengaplikasikan rawatan secara *ruqyah*. Skop pertama adalah penyakit-penyakit psikologi (minda dan kesihatan mental). Skop kedua adalah penyakit yang belum diketahui ubatnya atau tidak berjaya diubati (seperti HIV dan ketagihan dadah). Skop ketiga adalah aplikasi rawatan *ruqyah* serentak dengan perubatan moden dalam merawat pelbagai penyakit jasmani pesakit.

iv. Rukun Keempat: Perkara yang digunakan dalam rawatan *ruqyah*

al-Jaza' (2006) menjelaskan bahawa perkara yang digunakan dalam rawatan *ruqyah* adalah bersesuaian dengan spesifikasi rawatan ini yang berbentuk ketuhanan dan tidak bersifat semulajadi. Justeru itu, Ibnu al-Syasy (2003) menyatakan perkara yang digunakan sebagai inti pati dalam rawatan *ruqyah* adalah terdiri daripada bacaan ayat-ayat suci al-Quran yang merupakan kalam Allah I, juga penggunaan nama-nama Allah I, segala apa yang digunakan oleh Nabi  $\rho$  dan yang seumpama dengannya. Justeru al-Jaza' (2006) menyelaraskan kesimpulannya bahawa perkara yang digunakan dalam rawatan *ruqyah* adalah ditetapkan terdiri daripada ayat-ayat Allah I yang Mulia, dan doa-doa yang merujuk kepada nama Allah I al-Husna, dan sifat-sifat-Nya yang tinggi dan menjadikan hanya Allah I satu-satunya sumber untuk meminta pertolongan dan memohon perlindungan tanpa terkecuali. Contoh bacaan utama doa *ruqyah* bersumberkan al-Quran adalah bacaan ayat

al-Kursi, surah al-Fatihah, surah al-Ikhlas, surah al-Falaq dan surah al-Nas. Manakala antara contoh doa-doa yang sabit daripada Rasulullah  $\rho$  adalah doa ini:

اللَّهُمَّ رَبَّ النَّاسِ أَدْهِبْ الْبَاسِ، اشْفِ أَنْتَ الشَّافِي، لَا شَفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شَفَاءٌ لَا يُعَادُ  
سَقَماً

Maksudnya:

*“Ya Allah, Rabb sekalian manusia, yang menghilangkan segala petaka, sembuhkanlah Yang Maha Penyembuh, tidak ada penyembuh melainkan penyembahan-Mu, sebuah kesembuhan yang tidak meninggalkan penyakit.”* (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tibb, Bab Riqayah, no. hadis 5411)

Rasulullah  $\rho$  juga bersabda dengan doa perlindungan ini iaitu :

**أُعِيدُك بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَّةِ مِنْ كُلِّ شَيْطَانٍ وَهَامَّةٍ وَمِنْ كُلِّ عَيْنٍ لَمَّةٍ**

Maksudnya:

*“Aku memohon (kepada Allah) perlindungan untuk kamu dengan firman-firman Allah yang sempurna dari syaitan, binatang yang berbisa dan pandangan mata yang jahat.”* (Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Salam, no. hadis 2191).

a. Syarat Perkara yang digunakan dalam rawatan *ruqyah*

Seterusnya al-Jaza' (2006) memperincikan tiga syarat yang melibatkan perkara yang digunakan dalam rawatan *ruqyah*.

Syarat (1): Dikehendaki perkara tersebut adalah berasaskan penggunaan kalam Allah I atau nama-nama-Nya dan sifat-sifat-Nya atau apa yang disandarkan kepada Nabi Muhammad  $\rho$ .

Syarat (2): Dikehendaki perkara tersebut merupakan ucapan bahasa Arab atau bahasa lain yang difahami maksudnya.

Syarat (3): Tidak ada di dalam perkara tersebut unsur-unsur syirik sebagaimana yang dinyatakan dalam hadis ini iaitu:

عَنْ عَوْفِ بْنِ مَالِكٍ الْأَشْجَعِيِّ - رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ - قَالَ : كُنَّا نَرْقِي فِي الْجَاهِلِيَّةِ ، فَقُلْنَا :  
يَا رَسُولَ اللَّهِ ! كَيْفَ تَرَى فِي ذَلِكَ ؟ فَقَالَ : " اغْرِصُوْا عَلَيْ رُقَائِكُمْ ، لَا بَأْسَ بِالرُّقْقَى مَا مَ  
يَكُونُ فِيهِ شَرُكٌ " .

Maksudnya:

*Dari Auf bin Malik al-Asyja'i berkata, “Dahulu kami meruqyah di masa jahiliyah, dan kami bertanya, “Wahai Rasulullah bagaimana pendapatmu?” Rasulullah s.a.w. bersabda, “Perlihatkan padaku ruqyah kalian. Tidak apa-apa dengan ruqyah jika*

*tidak mengandungi kemosyrikan.”* (Muslim. *Sahih Muslim*. Bab La Baksa Birraqi Ma’Lam Yakun Fihi’ Syirik, no. hadis 5862.)

## **7.0 KATEGORI RUQYAH DALAM PERUBATAN ISLAM**

Keseluruhan perbincangan sebelum ini menunjukkan bahawa *ruqyah* dapat dibahagikan kepada dua kategori iaitu *ruqyah* yang dibenarkan syarak dan *ruqyah* yang dilarang oleh syarak. al-Juraisi (t.t.) menggariskan empat kriteria *ruqyah* yang dibenarkan oleh syarak dan dua kriteria *ruqyah* yang dilarang oleh syarak.

### i. *Ruqyah* yang dibenarkan syarak

*Ruqyah* yang dibenarkan oleh syarak adalah tertakluk kepada sejauhmana ianya menepati empat kriteria berikut:

- a. *Ruqyah* menggunakan kalam Allah I, nama-nama-Nya dan sifat-sifat-Nya yang tinggi dan mulia.
- b. *Ruqyah* yang menggunakan zikir dan doa yang bersumberkan periwayatan hadis.
- c. *Ruqyah* daripada zikir dan doa yang tidak diriwayatkan oleh hadis tetapi tidak bertentangan dengan doa yang diriwayatkan oleh hadis sama ada dalam bahasa Arab atau lain-lain bahasa yang dapat difahami maksudnya.
- d. Meyakini bahawa *ruqyah* tidak dapat memberi kesan kecuali keberkesanannya sebenarnya adalah daripada kekuasaan Allah I (Ibn Rusyd, 1988.).

### ii. *Ruqyah* yang dilarang oleh syarak

Menurut al-Juraisi (t.t.), *ruqyah* yang dilarang oleh syarak dapat dijelaskan sebagai *ruqyah* yang tidak mempunyai apa-apa makna yang diiktiraf dalam Islam. Ianya seperti *ruqyah* pada zaman jahiliyah yang terkandung dalamnya unsur syirik yang jelas atau samar yang membawa kepada syirik. Terdapat dua kriteria *ruqyah* yang dilarang oleh syarak.

- a. *Ruqyah* yang meminta pertolongan selain daripada Allah I seperti doa-doa kepada selain Allah I, memohon perlindungan selain daripada-Nya dan demikian juga bersumpah dengan selain nama Allah I. *Ruqyah* ini dikenali sebagai *ruqyah* syirik (al-Jaza', 2006).
- b. *Ruqyah* yang dibaca bukan dalam bahasa Arab serta tidak diketahui maknanya. Kegagalan memahami makna bacaan tersebut berpotensi menjerumus pembaca *ruqyah* kepada kekufuran atau syirik tanpa disedari olehnya. *Ruqyah* ini dikenali sebagai *ruqyah* haram (al-Jaza', 2006).

## **8.0 PROSEDUR PERLAKSANAAN RUQYAH DALAM PERUBATAN ISLAM**

Secara umumnya terdapat tiga prosedur perlaksanaan *ruqyah* dalam perubatan Islam iaitu prosedur berkaitan waktu *ruqyah*, prosedur berkaitan etika *ruqyah* dan prosedur berkaitan kaedah *ruqyah* serta tekniknya (Anon,t.t).

### i. Waktu *Ruqyah*

Waktu untuk mengamalkan *ruqyah* pada dasarnya adalah tidak ditetapkan. *Ruqyah* boleh dilakukan pada bila-bila masa dan tidak terhad pada waktu tertentu. Nabi Muhammad p meruqyah dirinya sendiri sebelum tidur dengan membaca dua surah perlindungan iaitu Surah al-Nas dan Surah al-Falaq pada setiap malam. *Ruqyah* konsisten diamalkan kerana

iannya berfungsi menangkis kejahatan syaitan, ‘ain (panahan mata), sihir dan penyakit-penyakit lain seperti penyakit yang boleh dilihat dan tidak boleh dilihat (*Anon*,t.t).

### ii. Etika *Ruqyah*

Secara umumnya terdapat enam etika asas *ruqyah* yang disarankan untuk dihayati dan diamalkan semasa mempraktikkan *ruqyah*. Enam etika tersebut adalah mengambil wuduk, menghadap kiblat, menundukkan wajahnya kepada Allah I dengan hatinya, memohon perlindungan daripada syaitan, membaca dengan niat untuk menyembuh serta mengelakkan penderitaan yang terjadi kepadanya dan akhir sekali menambah pada niatnya bahawa bacaan *ruqyah* tadi turut mendapat ganjaran pahala membaca al-Quran (*Anon*,t.t).

### iii. Kaedah dan Teknik *Ruqyah*

Al-Sahimi (t.t) menjelaskan secara asasnya terdapat empat kaedah dan teknik *ruqyah* dalam perubatan Islam yang bersumberkan daripada hadis Nabi  $\rho$ . Empat kaedah dan teknik tersebut adalah bacaan *ruqyah* bersama dengan hembusan nafas, bacaan *ruqyah* tanpa hembusan nafas, mencampurkan air liur dengan tanah dan membaca *ruqyah* sambil menyapu pada tempat yang sakit.

Secara terperincinya, pengamal *ruqyah* biasanya akan membaca *ruqyah* pada tempat yang sakit di badan pesakit atau di atas telapak tangan pengamal *ruqyah* sendiri untuk disapu pada kedua-duanya atau dibaca pada air dan seumpamanya. Juga pengamal *ruqyah* akan meniup dengan air ludah yang sangat sedikit iaitu bukan ludahan sebenar tetapi sekadar seperti kelembapan daripada air liur (al-Suhaimi, 1998).

Pengamal *ruqyah* boleh terdiri daripada orang lain atau pesakit itu sendiri. Islam mengharuskan pesakit meruqyah dirinya sendiri atau orang lain juga. Suami juga boleh meruqyah isterinya dan sebaliknya. Para perawat yang mengamalkan *ruqyah* patuh syariah pada hakikatnya telah melakukan satu usaha yang besar dan bernilai di sisi agama iaitu dalam konteks melakukan amal kebajikan dan kebaikan kepada manusia umumnya dan pesakit khususnya (al-Suhaimi, 1998).

Keseluruhan kaedah dan teknik *ruqyah* sebagaimana yang dikemukakan di atas dapat dikenal pasti asal usulnya adalah berdasarkan petunjuk daripada hadis Nabi  $\rho$ . Berikut dikemukakan empat sumber hadis yang menunjukkan empat kaedah dan teknik utama *ruqyah*.

#### a. Hadis bacaan *ruqyah* tanpa hembusan nafas

عن عائشة رضي الله عنها: أن رسول الله صلى الله عليه وسلم، كان إذا أتى مريضاً أو أتى به، قال: "أدْهِبِ الْبَاسِ رَبَّ النَّاسِ، اشْفِ وَأَنْتَ الشَّافِي، لَا شَفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شَفَاءٌ لَا يُعَادِرُ سَقَماً".

Maksudnya:

*Daripada Aisyah r.a: bahawa sesungguhnya Rasulullah s.a.w., apabila orang sakit mendatanginya atau datang kepadanya, baginda bersabda: "Hilangkan penyakit ini wahai Penguasa manusia. Sembuhkanlah, Engkau Maha Penyembuh. Tidak ada kesembuhan kecuali penyembuhanMu, ubat yang tidak meninggalkan penyakit" (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tibb, باب رقية النبي صلى الله عليه وسلم, no. hadis 5411)*

- b. Hadis membaca *ruqyah* sambil menyapu pada tempat yang sakit.

عن عائشة ، رضي الله عنها قالت: كان النبي صلى الله عليه وسلم يعوذ بعضهم، يمسحه بيديه: "أَدْهِبِ الْبَاسِ رَبَّ النَّاسِ، وَشُفِّيْ أَنْتَ الشَّافِيْ، لَا شَفَاءَ إِلَّا شِفَاؤُكَ، شَفَاءَ لَا يُعَادِرُ سَقَمًا".

Maksudnya:

*Daripada Aisyah radhiyallahu ‘anhu, beliau berkata: "Nabi s.a.w. meruqyahkan sebahagian mereka, baginda mengusapnya dengan tangan kanannya: "Hilangkan penyakit ini wahai Penguasa manusia. Sembuhkanlah, Engkau Maha Penyembuh. Tidak ada kesembuhan kecuali penyembuhanMu, ubat yang tidak meninggalkan penyakit" (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab alTibb, باب رقية النبي صلى الله عليه وسلم no. hadis 5411)*

- c. Hadis *ruqyah* bersama dengan hembusan nafas dan sapuan

عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: "أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ إِذَا اشْتَكَى نَفَثَ عَلَى نَفْسِهِ بِالْمُعَوَّذَاتِ، وَمَسَحَ عَنْهُ بِيَدِهِ، فَلَمَّا اشْتَكَى وَجْهُهُ الدُّرْغَنِيُّ، فِيهِ طَفْقَتُ أَنْفُثُ عَلَى نَفْسِهِ بِالْمُعَوَّذَاتِ الَّتِي كَانَ يَنْفُثُ، وَمَسَحَ بِيَدِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْهُ".

Maksudnya:

*Daripada Aisyah radhiyallahu ‘anha: "Bahawasanya Rasulullah s.a.w. jika ditimpa sakit, Rasulullah shallallahu ‘alaihi wa sallam membaca al-mu’awwidzat (surat al-Falaq dan an-Nas) untuk diri beliau sendiri dan meludah sedikit disertai dengan tiupan pada kedua telapak tangannya. Lalu, ketika beliau sakit yang membawa pada wafatnya, akulah yang membacakan al-Mu’awwidzat untuk beliau dan aku yang mengusapkan tangan beliau ke badannya." (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari , Kitab al-Maghazi, Bab ووفاته ρ*

، مرض النبي No. Hadis 4175, dan Muslim, Sahih Muslim , Kitab Al-Salam, Bab رقية المريض بالمعوذات والنفث No. Hadis 2192).

- d. Hadis *ruqyah* mencampurkan air liur dengan tanah

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: "أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَقُولُ لِلنَّاسِ: "بِسْمِ اللَّهِ تُرْبَةُ أَرْضِنَا بِرِيقَةٍ بَعْضِنَا يُشْفَى سَقِيمُنَا يَأْذِنِ رَبُّنَا".

Maksudnya:

Sayyidatina 'Aisyah meriwayatkan bahawa Nabi  $\rho$  kerap kali membacakan doa ini kepada pesakit: "Dengan nama Allah, tanah bumi kami bercampur air liur kami menyembuhkan org yang sakit dalam kalangan kami." (al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Jumua'ah, Bab من انتظر حتى تدفن no. hadis: 5745)

Hadis-hadis di atas mengesahkan empat kaedah dan teknik *ruqyah* yang dinyatakan sebelum ini adalah antara sunnah Rasulullah  $\rho$  yang sabit dalam berubat. Justeru kaedah bacaan *ruqyah* bersama dengan hembusan nafas, bacaan *ruqyah* tanpa hembusan nafas, mencampurkan air liur dengan tanah dan membaca *ruqyah* sambil menyapu pada tempat yang sakit merupakan prosedur yang digariskan dalam perubatan Islam.

## **9.0 PENYAKIT UTAMA YANG DIRUQYAH DALAM SEJARAH PERUBATAN ISLAM**

Sejarah perubatan Islam menunjukkan terdapat lima penyakit utama yang sering dirawat menurut pendekatan *ruqyah* patuh syariah. Penyakit-penyakit tersebut ialah penyakit 'ain (panahan mata), sihir, *al-hummah* (racun disebabkan binatang berbisa), *al-namlah* (cacar) dan epilepsi.

- a. Penyakit 'ain (panahan mata)

Penyakit 'ain merupakan sejenis penyakit yang disebabkan oleh pandangan manusia yang jahat. Penyakit 'ain bererti seseorang pesakit telah ditimpa oleh pandangan mata. Perkataan 'ain adalah berasal daripada perkataan *mu'ayyan wa- ma'yunun* dan *fa'il-nya 'a'iin*. Penyakit 'ain juga bererti musibah yang dahsyat berpunca daripada pandangan mata dan bentuk pandangan mata ini juga dinamakan dengan mata yang bernafsu. Selain itu, penyakit ini juga dinamakan 'ain dengan *nadzhroh* iaitu terkena panahan mata menerusi pandangan seseorang (Ibn al-Manzur, t.t). Penyakit ini dikenal pasti wujud dan berbahaya. Antara bentuk penderitaan yang ditanggung oleh pesakit yang terkena penyakit ini ialah tubuh badan lemah dan lesu, kegagalan dalam usaha dan kemuncaknya dapat menyebabkan kematian. Ralulullah  $\rho$  bersabda tentang penyakit ini sebagaimana hadis berikut:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا - قَالَتْ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ - صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : "الْعَيْنُ حَقٌّ".

Maksudnya:

Daripada Aisyah r.a daripada Nabi Muhammad s.a.w baginda bersabda:  
"Penyakit al-'Ain itu adalah benar".

(al-Bukhari, Sahih al-Bukhari, Kitab al-Tibb, no. Hadis ) ، باب رقيقة العين

b. Sihir

Sihir daripada segi bahasa bermaksud mengeluarkan sesuatu dalam bentuk penampilannya yang terbaik sehingga sesuatu itu mempersona dan mengagumkan bagi orang memandangnya (al-Fayruz Abadi, t.t.). Sihir daripada segi istilah syarak pula bermaksud kesepakatan antara tukang sihir dan syaitan dengan ketentuan bahawa tukang sihir akan melakukan berbagai keharaman atau kesyirikan dengan imbalan pemberian pertolongan syaitan kepadanya dan ketaatan untuk melakukan apa saja yang dimintanya (Mahmud, 2008).

c. *al-Hummah*

*al-Hummah* adalah racun. Ia disandarkan hampir dengan makna sengatan kala jengking kerana racun keluar daripadanya. Maka lafaz *hummah* adalah lafaz umum yang merangkumi semua jenis racun-racun sama ada daripada ular-ular, kala jengking dan lain-lain sepetimana yang dijelaskan dalam hadis ini iaitu (al-Suhaimi, 1998):

وَعَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ الْأَسْوَدِ عَنْ أَبِيهِ قَالَ سَأَلْتُ عَائِشَةَ عَنِ الرُّقْيَةِ مِنِ الْحُمَّةِ فَقَالَتْ: "رَجَحَصَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الرُّقْيَةَ مِنْ كُلِّ ذِي حُمَّةٍ".

Maksudnya:

*Daripada 'Abd al-Rahman bin al-Aswad dari bapanya telah berkata: Aku telah bertanya Aisyah tentang ruqyah pada patukan/sengatan binatang, maka beliau berkata: "Rasulullah s.a.w telah mengizinkan untuk meruqyah kerana patukan setiap binatang berbisa."*

(al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, Kitab al-Tibb, باب رقية الحية والعقرب, no.hadis )

d. Penyakit Cacar

Penyakit cacar adalah luka atau kudis yang ada di atas permukaan kulit. Penyakit ini terlihat dalam bentuk bisul-bisul yang kecil, berserta dengan bengkak ringan, kemudian ia akan menjadi luka dan semakin merebak keseluruh badan. Hadis yang membincangkan mengenai penyakit tersebut adalah (al-Suhaimi, 1998):

فَعَنْ أَنَسٍ قَالَ: "رَجَحَصَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي الرُّقْيَةِ مِنِ الْعَيْنِ وَالْحُمَّةِ وَالنَّمْلَةِ".

Maksudnya:

*Daripada Anas radhiyallahu anhu berkata: "Rasulullah saw telah mengizinkan ruqyah pada penyakit 'ain, hummah (patukan) dan namlah (cacr)."* (Muslim, Sahih Muslim, Kitab al-Salam, باب استحباب الرقية من العين والنملة والحمامة والنظرة, no. hadis)

e. Epilepsi

Penyakit epilepsi adalah penyakit sawan. Ianya adalah sebentuk kecacatan daripada jenis penyakit gila. Pesakit ini mengalami sindrom kekeliruan dalam perkataan, perbuatan dan fikiran (Al Mubarak, 1995). Ianya merupakan penyakit saraf yang menyebabkan

seseorang tidak sedar dengan anggotanya bergerak menyentak-nyentak. Ianya juga dikenali sebagai penyakit gila babi atau sawan. Berdasarkan kelima-lima penyakit di atas, kajian mendapati *ruqyah* bukan sahaja berperanan dalam merawat penyakit rohani tetapi juga dapat merawat penyakit jasmani.


## **10.0 PERANAN *RUQYAH* DAN PENGARUHNYA DALAM MENANGANI MASALAH KESIHATAN DI MALAYSIA**

Menurut Syed Hadrrullathfi (2015), masa depan pengubatan Islam dalam konteks perubatan Islam adalah mempunyai potensi yang signifikan dalam membantu institusi-institusi berwajib seperti Kementerian Kesihatan Malaysia, kehakiman dan Undang-undang untuk sama-sama menyelesaikan pelbagai penyakit kronik yang dihadapi oleh para pesakit di Malaysia. Pengubatan Islam mempunyai keahlilan istimewa untuk menangani gejala penyakit yang berpunca daripada punca-punca yang bukan klinikal seperti perbuatan sihir yang mengancam keselamatan nyawa dan kesihatan masyarakat Islam kontemporari.

Para perawat yang dibimbang dan dipimpin oleh pusat-pusat rawatan Islam di Malaysia bertanggungjawab memenuhi semua kriteria asas yang dikehendaki dalam pengubatan Islam. Ianya bertujuan untuk membebaskan diri perawat sendiri daripada terpengaruh dengan amalan sihir dan menolak unsur-unsur ini berkembang dalam masyarakat. Para perawat ini juga berpotensi membantu pihak berwajib membawa para pengamal sihir ke muka pengadilan berdasarkan ilmu-ilmu perubatan Islam (Syed Hadrrullathfi, 2015).

## **11.0 KESIMPULAN**

Kesimpulannya analisis kajian dalam artikel ini telah memperkenalkan konsep perubatan Islam dan transisi perkembangannya kepada pengubatan Islam dan hubungannya dengan *ruqyah*. Dalam erti kata lain, *ruqyah* merupakan asas yang menjadi teras utama pengubatan Islam. Ianya merupakan pendekatan bersifat kewahyuan yang bersumberkan al-Quran dan Hadis. Pengaruh *ruqyah* masih kekal meluas dalam dunia Islam dan aplikasinya terus relevan berdasarkan keberagaman penyakit dan punca-puncanya. Malah perubatan Islam di Malaysia telah diiktiraf sebagai salah satu kluster dalam kategori Perubatan Tradisional dan Komplementari, Kementerian Kesihatan Malaysia. Pengiktirafan ini menjadi pengamal perubatan Islam semakin menghampiri status kerjaya yang profesional dan tertakluk kepada akta tertentu pada masa hadapan.



Rajah 1.1 *Ruqyah* Teras Perubatan dan Pengubatan Islam

## **RUJUKAN**

- Abi al-Mundhir, Khalil Ibrahim Amin. t.t. *al-Turuq al-Hisan fi 'Ilaj Amrad al-Jann*. t.tp: t.pt.
- Abu Dawud, Sulaiman al-Asya'th al-Sijistani .t.t. *Sunan Abi Dawud*. Beirut: Dar al- Kitab al-'Arabi.
- Al Mubarak, Abu 'Ubaydah Mahir bin Salih. 1995. *Fath al-Mughith fi al-Sihr wa al-Hasad wa Mas Iblis*. t.tp; Dar al-'Ulum al-Sunnah li al-Nasr.
- al-Azhari, Abu Mansur Muhammad bin Ahmad. t.t. *Tahdhib al-Lughah*. Kaherah: t.pt.
- al-'Azim Abadi, Muhammad Syams al-Haq.1987. *'Awn al-Ma'bud Syarh Sunan Abi Dawud*. Kaherah: Maktabah Ibn Taymiyyah.
- Al-Bukhari, Muhammad bin Isma'il. 1994, *Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Fairuz Abadi, Muhamad bin Ya'aqub. 2008. *Al-Qamus al-Muhit..* Beirut: Mu'asasat al-Risalat.
- al-Fayyumi, Ahmad bin Muhammad bin 'Ali al-Muqri. 1977. *Al-Misbah al-Munir*. Kaherah: Dar al-Ma'arif.
- al-Jaza', Muhammad Salih. 2006. *Al-Ahkam al-Fiqhiyyah fi al-Ruqyah al-Syar'iyyah*. t.tp: Dar al-Andalus li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- al-Juraisi, Khalid bin 'Abd al-Rahman. t.t. *Irqi Nafsak wa Ahlak bi Nafsak*. t.tp. Silsilah Zad al-Mu'min.
- Al-Qarafi, Ahmad bin Idris. t.t. al-Furuq Anwar al-Baruq fi Anwa' al-Faruq. t.tp: t.pt.
- Al-Suhaimi, Fahad bin Dawyan bin 'Awad. 1998. *Ahkam al-Ruqa wa al-Tama'im*. al-Riyad: Maktabat Adwa' al-Salaf.

- Al-Syamrani, Salih bin 'Abd Allah. 1998. *al-Durar al-Hisan fi 'Ilaj al-'Ayn wa al-Sihr wa Mas al-Jann*. t.tp: t.pt.
- al-Syawkani, Muhammad bin 'Ali. t.t. *Nayl al-Awtar Syarh Muntaqa al-Akhbar*. Kaherah: Maktabat Dar al-Turath.
- Anon. t.t. *Tafsir al-'Asyr al-Akhir min al-Qur'an al-Karim min Kitab Zubdah al-Tafsir* atas talian <http://ashab.hawahome.com/play.php?catsmktba=12> (15 Ogos 2016)
- Garis Panduan Amalan Perubatan Islam*. 2011. Kuala Lumpur: Bahagian Perubatan Tradisional dan Komplementari Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Ibn al-Athir, al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari. t.t. *al-Nihayah fi Gharib al-Hadith wa al-Athar*. Beirut: Maktabat al-'Ilmiyyah.
- Ibn al-Manzur, Abi al-Fadl Muhammad t.t. *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar Sadir.
- Ibn al-Qayyim, Syams al-Din Muhammad bin Abi Bakr al-Dimasyqi. t.t. *al-Tib al-Nabawi*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Ibn Hajar al-'Asqalani, Ahmad bin 'Ali. t.t. *Fath al-Bari Syarh Sahih al-Bukhari*. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Taimiyyah, Ahmad. 1992. *Majmu' al-Fatawa*. Jeddah: Dar al-Manar.
- Ibnu al-Syasy, Jalal al-Din 'Abd Allah bin Najm. 2003. 'Aqd al-Jawahir al-Thaminah fi Mazhab 'alam al-madinah. Beirut: Darul Gharb al-Islami.
- Muhammad Ratib. 2012. *Al-Ruqyah al-Syar'iyyah Dawabituhu wa Ahkamuha*. t.tp: t.pt.
- Muslim, al-Hajaj bin Muslim al-Qusyairi. t.t. *Sahih Muslim*. Beirut: Dar al-Jayl.
- Sa'ad Sadiq Muhammad. 1968. *Sara' Bayn al-Haq wa al-Batil*. Riyad: Dar al-Liwa' li al-Nasyr wa al-Tawzi'.
- Samahat, Riyad Muhammad. 1996. *Dalil al-Mu'alijin bil Quran*. Al-Azhar: Majma' al-Buhuth al-Islamiyyah.
- Syed Hadrrullathfi Syed Omar. 2015. Pengubatan Islam: Kaedah Rawatan. Kertas Kerja Simposium Perubatan dan Amalan Khurafat Dalam Masyarakat Islam Peringkat Kebangsaan. Anjuran Uiniversiti Sains Islam Malaysia. Nilai. Negeri Sembilan, 22 Mac.
- Zulkifli Mohamad al-Bakri. 2011. Perubatan Alternatif Mengikut Perspektif Islam: Satu Tinjauan. Kertas Kerja Seminar Islam Semasa dan Pengislaman Ilmu (Perubatan Alternatif: Amalan dan Kepercayaan Berdasarkan Prinsip-Prinsip Islam. Anjuran JAIS, Shah Alam. Selangor, 3 November.